

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 02 MEI 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Senat: MOSTI terima geran RM310 juta tahun lepas	Bernama.com
2	IIDEX 2014 jadi platform pameran produk berasaskan inovasi	Bernama.com
3	Pembenihan awan di kawasan tadahan air Selangor, KL diteruskan – Mahdzir Khalid	Bernama.com
4	Gempa bumi sederhana berhampiran kepulauan Nias, gegaran dirasai di Perak, Selangor	Bernama.com
5	Kerajaan Selangor digesa dedah hasil kajian air lombong - pakar	Bernama.com
6	Lynas Corp unjur peningkatan pengeluaran 20 peratus pada April	Bernama.com
7	Making innovation work for young entrepreneurs	New Straits Times
8	Pengkhianat tak layak jadi penjawat awam	Berita Harian



Senat: Mosti Terima Geran RM310 Juta Tahun Lepas

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menerima geran berjumlah RM310 juta untuk penyelidikan dan pembangunan, kata timbalan menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Beliau berkata geran itu disalurkan kepada enam dana yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 selain bagi menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan penyelidik tempatan.

Katanya, enam dana itu ialah ScienceFund, Dana Prapengkomersialan (Innofund dan Technofund), Dana Pengkomersialan Bioteknologi (BCF), Dana Pengkomersialan R&D (CRDF), Dana Perolehan Teknologi (TAF) dan Dana untuk Program NanoMalaysia.

Daripada jumlah itu, RM64 juta diluluskan kepada ScienceFund, RM113 juta (TechnoFund), RM2 juta (InnoFund), RM36 juta (BCF), RM86 juta (CRDF) manakala baki RM7 juta untuk TAF, katanya semasa menjawab pertanyaan Senator Datuk Jaspal Singh di Dewan Negara di sini Rabu.

Jaspal ingin tahu jenis dana serta jumlah yang disalurkan kementerian itu tahun lepas serta syarikat yang berjaya memperoleh dana berkenaan.

Abu Bakar berkata 32 syarikat layak menerima dana TechnoFund, CDF (49 syarikat), BioNexus (13 syarikat), TAF (4 syarikat) dan dua syarikat menerima InoFund.

Kesemua peruntukan bagi dana penyelidikan dan pembangunan itu diberikan kepada penyelidik atau pemohon melalui prosedur ketat manakala permohonan pula diluluskan oleh jawatankuasa penilaian yang dianggotai golongan pakar dan profesional dalam bidang tertentu, katanya.

-- BERNAMA



IIDEX 2014 Jadi Platform Pamer Produk Berasaskan Inovasi

SHAH ALAM, 30 April (Bernama) -- Penganjuran Pameran Reka cipta Inovasi & Reka Bentuk (IIDEX 2014) merupakan platform bagi mempamerkan produk berasaskan inovasi dan penyelidikan dalam usaha memastikannya berjaya dikomersialkan, kata Pro-Canselor UiTM, Tan Sri Sallehuddin Mohamed.

"Kerajaan melalui [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) telah menegaskan bahawa pengukuhan penyelidikan, pembangunan dan inovasi serta kreativiti perlu disokong dengan penambahbaikan dasar, peraturan dan insentif," katanya ketika berucap pada majlis penutupan pameran tersebut yang berlangsung di Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM, di sini, hari ini.

Sallehuddin berkata IIDEX 2014 yang disertai institusi seperti Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah membuka ruang kepada golongan penyelidik muda untuk meneroka peluang dalam bidang penyelidikan seiring dengan usaha kerajaan membudayakan penyelidikan dalam kalangan masyarakat.

"Bagi memastikan sesuatu produk atau inovasi itu berjaya dikomersialkan dan menjadi penyumbang kepada ekonomi berpendapatan tinggi, industri tempatan perlu mengambil peluang dengan membantu mereka untuk mengkomersialkan produk-produk yang telah dikaji, diuji secara saintifik dan mampu untuk dibawa ke pasaran tempatan dan luar negara," katanya.

Sementara itu produk ciptaan Profesor Madya Dr Mohd Tarmizi Ali, lampu berantena penghubung jaringan jalur lebar yang dipamerkan di pameran tersebut berpotensi besar untuk dikomersialkan ke peringkat antarabangsa.

"Produk ini telah digunakan di dalam makmal penyelidikan kami selepas uji kaji berjaya dihasilkan. Kami telah memasang empat lampu yang juga berfungsi sebagai antena kepada jaringan Internet ini di dalam makmal kami dengan hanya menggunakan satu jaringan Internet sahaja kerana gas-gas yang berada dalam lampu itu mampu menyambungkan jaringan tersebut," katanya kepada pemberita.

Menurut Mohd Tarmizi, setakat ini lima syarikat tempatan telah menunjukkan minat terhadap produk tersebut.

Produk ciptaan pensyarah UiTM itu sebelum ini pernah memenangi beberapa anugerah utama iaitu 'Gold Medal' dan 'Special award' pada Pameran Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada November tahun lepas dan Anugerah Berlian untuk kategori Inventor pada IIDEX 2014 pada April lepas.

-- BERNAMA



Pembenihan Awan Di Kawasan Tadahan Air Selangor, KL Diteruskan - Mahdzir Khalid

KUALA NERANG, 30 April (Bernama) -- Operasi pembenihan awan di kawasan tadahan air di Selangor dan Kuala Lumpur akan diteruskan setiap hari walaupun catuan air di Lembah Klang berakhir hari ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Teknologi Hijau Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata walaupun paras air di empangan-empangan semakin meningkat, kerajaan mahu membuat persediaan menghadapi kemungkinan kemarau dari Jun hingga Ogos perlu diambil kira.

Katanya usaha memulihkan bekalan air mentah perlu dilakukan secara berterusan supaya krisis bekalan air tidak meruncing nanti.

"Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi](#) pada Jun, Julai dan Ogos nanti musim kering...kita cadangkan pembenihan awam mesti dibuat tiap-tiap hari di kawasan tadahan air," katanya kepada pemberita selepas taklimat bersama Syarikat Air Darul Aman (Sada) di Naka dekat sini, hari ini.

Mengenai catuan air di Selangor dan Kuala Lumpur yang berakhir hari ini, Mahdzir berkata Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim pada mesyuarat Jawatankuasa Krisis Bekalan Air peringkat kementerian itu pada Ahad lepas meminta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memansuhkan catuan air itu.

Pengerusi SPAN Datuk Ismail Kasim mengumumkan bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur akan pulih seperti sediakala esok apabila catuan lebih dua bulan itu ditamatkan hari ini.

Mahdzir berkata mesyuarat Jawatankuasa Krisis Bekalan Air yang dipengerusikannya mendapati catuan air itu wajar ditamatkan.

Beliau juga menyatakan projek pembinaan Empangan Langat Dua bermula hari ini dan dijangka siap pada 30 April 2017 bagi membolehkan penyaluran air terawat dari Pahang ke Selangor.

"Ini menunjukkan kerajaan Persekutuan mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah itu," katanya.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Berhampiran Kepulauan Nias, Gegeran Dirasai Di Perak, Selangor

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berlaku berhampiran kepulauan Nias, Sumatera Utara malam ini menyebabkan gegeran dirasai di beberapa kawasan di Perak dan Selangor.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa bumi berukuran 5.7 pada skala Richter berlaku kira-kira 68km dari timur laut Kepulauan Nias, kira-kira 408km dari barat daya Sabak Bernam, Selangor pada pukul 10.35 malam ini.

"Jabatan Meteorologi Malaysia sedang memantau perkembangan ini dan akan memaklumkan maklumat yang terkini," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Kerajaan Negeri Selangor Digesa Dedah Hasil Kajian Air Lombong - Pakar

Oleh Syed Iylia Hariz Al-Qadri Syed Izman

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Beberapa pakar penyelidik air menggesa kerajaan negeri Selangor mendedahkan status kandungan ion logam berat dalam air lombong yang dipam ke Sungai Selangor untuk kegunaan penduduk di Lembah Klang.

Pada masa yang sama, mereka turut mendesak kerajaan negeri untuk membuktikan sebarang kelulusan daripada Kementerian Kesihatan berhubung tahap keselamatan air lombong yang dibekalkan kepada pengguna.

Ketua Pusat Penyelidikan dan Analisis Air (ALIR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Dr Yang Farina Abdul Aziz berkata beliau memandang serius perkara ini kerana kandungan air lombong berkemungkinan boleh membahayakan kesihatan pengguna.

Dr Yang Farina berkata, walaupun pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menyatakan kandungan itu selamat setelah dikaji namun status itu perlu mendapat pengesahan Kementerian Kesihatan.

"Air lombong memang ada ion logam berat, jadi sekarang saya sebagai orang ramai saya nak tahu air yang saya guna ini selamat atau tidak.

"Jadi kalau nak tahu selamat atau tidak seharusnya kena ada analisis yang terperinci oleh [Jabatan Kimia](#) dan pihak Kementerian Kesihatan dan bukannya daripada LUAS," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Yang Farina dalam pada itu turut menegaskan bahawa rawatan serta teknologi menapis air yang digunakan dalam loji rawatan air tidak berupaya untuk mengasingkan ion logam yang terkandung di dalamnya.

"Teknologi tapisan air yang dimiliki sekarang tidak sesuai untuk menapis logam berat, ia hanya sesuai digunakan untuk sumber air biasa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air, Universiti Teknologi Malaysia, Profesor Dr Abdull Rahim Mohd Yusoff menjelaskan kandungan ion berat bukan sahaja boleh memudaratkan kesihatan malah ia juga boleh membawa maut, jika ia digunakan untuk satu tempoh yang berpanjangan.

Katanya, sekiranya terdapat kandungan ion logam berat yang berbahaya seperti plumbum' atau arsenik, ia boleh mengakibatkan kanser darah dan kanser tulang.

"Sekiranya kepekatan plumbum dan arsenik melebihi 0.01 miligram (mg), mengikut kajian, pengguna boleh terdedah kepada penyakit kanser," katanya.

Dalam pada itu Abdull Rahim turut menjelaskan antara kesan-kesan lain termasuklah merosakkan organ-organ penting seperti hati dan buah pinggang, di samping sistem saraf.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusoff Ishak turut berpendapat kerajaan negeri perlu mendedahkan terlebih dahulu kandungan ion logam berat dari lombong yang digunakan.

Beliau, yang merupakan seorang pakar dalam penyelidikan air lombong, turut berkongsi hasil penyelidikan beliau mengenai ikan-ikan yang dipancing di dalam bekas lombong.

Katanya hasil keputusan kajian itu, mendapati ikan-ikan yang dipancing di dalam bekas lombong mengandungi ion logam berat seperti plumbum dengan kadmium yang boleh menyebabkan keracunan kronik kepada mereka yang memakan ikan itu.

"Pada 2001, saya ada buat kajian mengenai lombong-lombong di sekitar Batu Caves dan hasilnya cukup mengejutkan apabila terdapat ion logam berat seperti plumbum dan kadmium.

"Sekiranya mereka yang memakan ikan tersebut dalam tempoh yang panjang, berkemungkinan mereka boleh mengalami kerosakan organ dalaman," katanya.

Oleh itu, seharusnya kerajaan negeri Selangor melakukan pemeriksaan fizikal dan kimia jasad air, dan kepekatan ion logam berat daripada lombong tersebut dan mendedahkannya kepada pakar terlebih dahulu sebelum air berkenaan dipam ke sungai, katanya.

-- BERNAMA



Lynas Corp Unjur Peningkatan Pengeluaran 20 Peratus Pada April

KUALA LUMPUR, 30 April(Bernama) -- Lynas Corp Ltd mengunjur pengeluaran oksida nadir bumi(REO) dari Loji Lynas Advanced Material (LAMP) meningkat sebanyak 20 peratus kepada 700 tan metrik pada April.

Ia berkata pengurusan yakin dapat mencapai sasaran pengeluaran sebanyak 11,000 tan metrik REO setahun pada suku Jun 2014.

Syarikat itu akan terus melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan kos pengeluaran dan kos tunai unitnya dianggarkan pada 70 peratus daripada kos berubah dan 30 kos tetap pada kadar 22,000 tan metrik REO setahun.

"Kira-kira 30 peratus daripada kos itu adalah dalam nilai dolar Australia dan lagi 70 peratus lagi dalam nilai dolar US termasuk sebahagian kecil untuk kos fret.

"Bagi operasi Malaysia, jumlah pengeluarannya bagi Mac berjumlah 1,089 tan metrik, meningkat 47 peratus, daripada suku sebelum ini manakala jualan bertambah 84 peratus kepada 751 tan metrik.

"Lynas Malaysia juga mencapai rekod tempoh bebas bahaya selama 282 hari dengan lebih sejuta jam bekerja pada 22 Mac di mana tiada sebarang kecederaan atau penyakit yang memerlukan pekerja atau kontraktor untuk hanya melakukan tugas terbatas atau hilang masa bekerja," katanya.

-- BERNAMA

Making innovation work for young entrepreneurs

VITAL CHANGE-AGENT:

A better road map is needed to build a culture of innovation

GETTING a good understanding of how innovation and entrepreneurship work for you is a useful preparation for young entrepreneurs in the country.

Indications are that in Malaysia nowadays, the government has become more entrepreneur-friendly towards business start-ups. With much fanfare, our youth have been encouraged to make the jump into entrepreneurship at a very early age. This is being enabled through generous establishment of special funds within the Finance Ministry.

The latest has been the setting up of MaGIC, the Malaysian Global Innovation and Creative Centre, a social business fund to cater to the needs of entrepreneurs. The fund now stands at RM70 million.

This move has indeed pushed the Malaysian profile further up the global science, technology and innovation indicators. Previously, we have always lagged behind Taiwan, South Korea and Singapore. Such efforts have proven the government right in refocusing its policy initiatives in science and technology to include innovation as well.

Innovation is widely regarded as an important change-agent for the

advancement of science and technology. As many would have believed it, innovation is not merely something that you are able to find some new ways to do it, or to have been able to create it.

While the latter has been closely associated with the advances of knowledge-creation, the former literally prepares the other two to serve the needs of society.

The end result is that the country is, thus, in a better position to improve its economic performance given the higher competitiveness residing in its people and businesses.

While the benefits of a robust science and technology policy will greatly assist a country to increase its number of scientists with the added emphasis on innovation, it will also gain more inventors in turn. Innovation is recognised as the initial stage in the innovative process.

What follows after this is, as intimated by Jeff Bezos of Amazon.com, the need to experiment and do expect to fail, selecting the best people, keeping to a small budget, working in small teams (called the 2-pizza rule meant for 6-7 people) and learning how to solve problems creatively. They are certainly very well-tried tips to be innovative.

Or as Jim Carroll, the well-known futurist is fond of saying: "Don't ask what happened but make things happen". In fact, Bezos built up his career in online shopping and rewrote the rules of commerce along the way towards making Amazon.com a household online shop-

ping icon. He was also quoted to have said that the way out of failure is through invention.

Things are also going well for Malaysian inventions. Malaysian entrepreneurs have every opportunity to register and exhibit their inventions and innovations. Besides the established institutions such as the Malaysian External Trade and Development Corporation, there are other government agencies that are

active in promoting Malaysian innovation and inventions, such as the Innovation Agency of Malaysia, the Malaysian Development Corporation and the SME Development Corporation, to name a few.

Private organisations include MINDS, the Malaysian Innovation and Design Society. While there is some kind of a science award given out by

the government annually, to date, there is no official listing of Malaysian inventions that we can cite. However, there is an annual exhibition on innovation and invention that gives out awards for new products and designs.

While young Malaysian innovators and entrepreneurs can look forward to a much-improved innovation eco-system, access to information on innovation in general is still limited.

A better user-road map is what is needed. A system does exist but its focus, as commented by Art Markman in the *Harvard Business Review* of December 2012, has been on individuals instead of structures of a culture of innovation.



Dr Azhari Karim
is a former diplomat and associate professor



Prime Minister **Datuk Seri Najib Razak** witnessing the exchange of documents between Stanford University assistant vice-president for business development **Susan Weinstein** and **Malaysian Global Innovation and Creativity Centre** chief executive officer **Cheryl Yeoh** in Cyberjaya last week. MaGIC is a social business fund to cater to the needs of entrepreneurs. Pic by Fariz Iswadi Ismail

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 02 MEI 2014 (JUMAAT)

SAMBUTAN HARI PEKERJA SEKTOR AWAM



Ahli Kesatuan
Kejururawatan
Malaysia
bergambar
bersama piala
dan sijil selepas
menerima
Anugerah Kesatuan
Cemerlang
CUEPACS 2014
pada sambutan
Hari Pekerja 2014
di Jitra, semalam.
(FOTO AMRAN
HAMID/BH)

Pengkhianat tak layak jadi penjawat awam

» *Pekerja sertai
perhimpunan
haram langgar
Akujanji
dan Ikrar
Perkhidmatan*

Oleh Nahar Tajri
nahar@bh.com.my

► Jitra

Penjawat Awam yang menyertai perhimpunan haram anjuran pembangkang di Dataran Merdeka semalam boleh dianggap pengkhianat dan tidak layak menjawat jawatan dalam kerajaan.

Presiden CUEPACS, Azih Muda, berkata ia kerana tindakan mereka itu melanggar Akujanji dan Ikrar Perkhidmatan yang dibuat mereka ketika diterima bekerja dalam sektor awam.

Guna saluran betul

Katanya, mereka sepatutnya menggunakan saluran yang betul jika menghadapi sebarang masalah dan tidak menyertai mana-mana himpunan yang dianjurkan pihak berkepentingan politik kerana ia menjejaskan kredibiliti mereka sebagai penjawat awam. "Mereka boleh menggunakan saluran betul iaitu CUEPACS kerana kerajaan tidak pernah menysihkan mana-mana pihak, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sentiasa mendengar keluhan yang kita bawa dalam beberapa siri pertemuan sebe-

lum ini... kerajaan bagi saya cukup terbuka.

"Jika mereka (penjawat) mahu juga membantah dengan cara yang tidak betul ini saya syorkan letak jawatan dan bertanding dalam pilihan raya... jangan cemarkan imej penjawat awam.

"Saya tidak menolak hak siapa, tetapi kakitangan awam tidak harus dilihat menentang kerajaan dalam keadaan apa sekalipun. Mereka perlu akur dengan Akujanji yang dilafazkan," katanya selepas sambutan Hari Pekerja 2014 di sini, semalam.

Azih berkata, penjawat awam yang menyertai perhimpunan GST juga boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati melakukan perbuatan salah mengikut peraturan ditetapkan.

"Kalau terbukti dan mereka dihadapkan ke bahagian tatatertib, jangan pula cakap mereka dianiaya. Salah mereka sendiri kerana mahu menyertai perhimpunan sedangkan awal-awal lagi saya sudah mengeluarkan kenyataan penjawat awam tidak boleh turut serta," katanya.

"Jika mahu bantah dengan cara yang tidak betul, saya syorkan letak jawatan dan bertanding dalam pilihan raya"

Azih Muda,
Presiden CUEPACS



Ahli CUEPACS Pahang menerima Anugerah Bahagian CUEPACS Contoh.



Antara yang hadir Sambutan Hari Pekerja Penjawat Awam 2014 di Dewan Wawasan, Jitra.